



KLASIFIKASI PERKHIDMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN PENDERANG

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU KHIDMAT AM	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	TETAP	
GRED	:	H1	
KEKOSONGAN	:	7 (TUJUH)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,500.00	RM4,680.00

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KHIDMAT AM, H1

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

		(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan (d).
	(d)	(i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3.	Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4.	Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5.	Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN	6.	Pegawai dalam tempoh percubaan Adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7.	lulus peperiksaan pekhidmatan yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) Memenuhi tempoh percubaan; (b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8.	Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN	9.	(a) Imbuhan Tetap Perumahan (b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (c) Bantuan Sara Hidup
PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN	10.	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Khidmat Am adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
FUNGSI BIDANG TUGAS	11.	Melaksanakan dan membantu kerja-kerja penyelenggaraan bangunan / premis milik Majlis Perbandaran Pengerang bagi memastikan bangunan / premis milik MP Pengerang dalam keadaan baik. Melaksanakan kerja-kerja semakan status dan rekod utiliti bagi aset tak alih milik MP Pengerang. Membantu menjalankan tugas-tugas am bersifat <i>hands-on</i> yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam/luar bangunan pejabat. Melaksanakan tugas pemanduan kenderaan jabatan seperti yang diarahkan oleh jabatan.